



**TEKS UCAPAN**

**YBRS EN HAMZAH BIN HAJI MOHAMAD  
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENGANUGERAHAN SEKOLAH LESTARI  
- ANUGERAH ALAM SEKITAR**

**PERINGKAT NEGERI SARAWAK, 2022**

**KUCHING, SARAWAK  
29 OKTOBER 2022 (SABTU)**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

*Alhamdulillah Rabbil A'lammin wa bihi Nastai'n,*

**(SALUTATION)**

## **PENDAHULUAN**

1. Dengan penuh hormat dan takzimnya, saya mengalu-alukan kehadiran para tetamu dan menyampaikan sepatah dua kata kepada para hadirin yang hadir di dalam majlis ini
2. Saya memanjatkan rasa syukur dengan limpah kurniaNYA dapat kita berkumpul di Majlis Penganugerahan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022 Peringkat Negeri Sarawak.
3. Mengambil kesempatan ini, saya mengalu-alukan kehadiran YB Dr. Hj. Hazland Bin Abang Hipni, Timbalan Menteri Tenaga Dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak (MEESTy) kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita sekaligus akan menyempurnakan majlis perasmian Penganugerahan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar pada hari ini.
4. Saya ingin menzahirkan penghargaan kepada Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak (MEESTy kerana sentiasa memberikan sokongan kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh JAS Negeri Sarawak. Tidak dilupakan juga terima kasih kepada Rakan Strategik JAS Sarawak, Syarikat Trienekens (Sarawak) Sdn.

Bhd. yang merupakan penganjur bersama program ini dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, warga SMK Pending yang terdiri daripada Tuan Pengetua, guru-guru dan pelajar, MBKS, agensi-agensi kerajaan dan swasta, dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini.

5. Sesungguhnya keberadaan tuan-puan di dalam majlis ini telah menunjukkan semangat kecintaan terhadap alam sekitar secara tidak langsung dan memberi suntikan semangat kepada JAS Negeri Sarawak dalam melibat-gandakan kempen kesedaran awam dengan mengadakan program berteraskan penjagaan alam sekitar di negeri Sarawak selain dari tugas keutamaan JAS iaitu menjalankan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

### **PROGRAM SEKOLAH LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)**

6. Buat julung kalinya Penganugerahan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) di Peringkat Negeri dijalankan bermula pada tahun ini. Pengiktirafan ini adalah sebagai menyuntik semangat guru-guru pembimbing SLAAS bagi meningkatkan penyertaan di dalam program SLAAS khasnya daripada bahagian di Negeri Sarawak pada tahun-tahun mendatang. Penganugerahan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) peringkat negeri dijadikan sebagai acara utama semasa Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Tahun 2022 Peringkat Negeri Sarawak.

7. Program SLAAS bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan. Penglibatan warga sekolah dalam aktiviti Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar memberi peluang kepada mereka untuk mengamal, menghayati dan membudayakan ciri-ciri mesra alam di persekitaran sekolah, rumah, komuniti setempat, masyarakat dan akhirnya di peringkat negara.

## **HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022**

**Yang Berhormat, para hadirin sekalian,**

8. Hari Alam Sekitar Negara merupakan acara tahunan yang telah disambut semenjak tahun 1989. Adalah menjadi hasrat pihak Kerajaan agar penetapan secara simbolik hari khusus bagi meraikan hari alam sekitar ini dapat dijiwai dan diingati oleh setiap rakyat Malaysia bagi menunjukkan semangat kebersamaan dalam mengharungi cabaran pengurusan alam sekitar yang semakin kompleks.

9. Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini masih mengekalkan tema “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama” dan diserikan dengan tambahan slogan “Menyantuni Alam Sekitar dan Keluarga Malaysia”. Selaras dengan tema dan slogan ini, semua pihak adalah diseru untuk bersama-sama bertanggungjawab terhadap pemeliharaan alam sekitar dan pencegahan jenayah alam sekitar. Pada masa yang sama, pihak sekolah boleh memperkukuhkan atau membudayakan gaya hidup sihat dan menanamkan sikap peka alam sekitar di kalangan pelajar, menubuhkan kelab alam sekitar di sekolah merupakan satu usaha yang

boleh meningkatkan penglibatkan pelajar dalam kegiatan ko-kurikulum bertemakan alam sekitar dan seterusnya mendaftarkan diri sebagai Rakan Alam Sekitar supaya generasi muda ini menjadi tunjang kepada masyarakat kita yang akan mencorakkan gaya hidup generasi akan datang.

## **PROGRAM-PROGRAM JABATAN SEPANJANG TAHUN**

**Yang Berhormat, para hadirin sekalian,**

10. Untuk makluman, selain penganugerahan SLAAS, program pada hari ini juga turut melibatkan kempen aktiviti pengumpulan buangan elektrik dan elektronik atau e-waste dan penjualan baja kompos, Kutip Sampah Sambil Riadah, Kuiz Alam Sekitar, Ceramah, Pertandingan Melukis bertemakan Cintai Alam Sekitar, Pameran Alam Sekitar.

11. Program dan kempen berteraskan penjagaan alam sekitar tidak hanya tertumpu kepada Hari Alam Sekitar Negara, sebaliknya aktiviti-aktiviti adalah dijalankan sepanjang tahun. Antara lain program yang telah dijalankan pada 2022 adalah Program penguatkuasaan seperti Ops Gerak, Ops Gempur, Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT), Program Ujicuba SOP Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut, Kutipan e-waste, aktiviti penanaman pokok 1RAS 1 Pokok dengan kerjasama agensi kerajaan negeri dan persekutuan, Rakan Strategik JAS dan Rakan Alam Sekitar.

**Yang Berhormat, para hadirin sekalian,**

12. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran program hari ini dan berharap ianya dijadikan acara tahunan dan diteruskan. Semoga melalui program sebegini, inisiatif menangani isu-isu alam sekitar dan kesedaran alam sekitar di negeri Sarawak dapat ditingkatkan dalam usaha kita bagi memulihara dan melindungi alam sekitar untuk generasi masa kini dan akan datang.

13. Sekianlah sahaja ucapan saya yang tidak sepertinya pada pagi ini. maaf jika ada sebarang kekurangan di dalam penganjuran majlis ini dan jika terdapat kesilapan tutur bicara di dalam ucapan saya sebentar tadi.

*Wabillahi      Taufiq      Walhidayah      Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.*